

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 3/1987**

---

Perwakilan Kuasa kepada YAB. Dato' Menteri Besar Selangor untuk:-

- (i) **melanjutkan tempoh pembayaran premium tambahan yang disyaratkan di dalam kelulusan tukar syarat tanah di bawah Seksyen 124 Kanun Tanah Negara.**
- (ii) **menimbang semula permohonan tukar syarat tanah yang tempoh kelulusannya telah luput.**

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang mesyuarat pada 18hb. Februari, 1987 telah membuat keputusan seperti berikut:-

- (i) Mewakulkan kuasa kepada YAB, Dato' Menteri Besar Selangor untuk membenarkan lanjutan atau lanjutan-lanjutan yang berlebihan dari tempoh 12 bulan yang diberikan oleh Pentadbir Tanah Daerah di bawah Kaedah 11A Kaedah-Kaedah Tanah Selangor 1966 mengenai pembayaran premium tambahan dengan syarat bahawa tempoh lanjutan atau lanjutan-lanjutan tersebut tidak lebih duabelas bulan.
- (ii) Mewakulkan kuasa kepada YAB, Dato' Menteri Besar Selangor untuk menimbang serta meluluskan semula permohonan tukar syarat tanah di bawah Seksyen 124 Kanun Tanah Negara yang tempoh kelulusannya telah luput.
- (iii) Perwakilan kuasa ini diawal tarikhkan kepada 14hb. Ogos, 1986.

Selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di atas Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:-

**2.1 Lanjutan Tempoh Pembayaran Premium Tambahan**

Bagi rayuan-rayuan yang dikemukakan oleh tuannya tanah untuk melanjutkan tempoh pembayaran premium tambahan iaitu sebelum tamat tempoh 12 bulan seperti kehendak di perenggan 1(i) di atas, Pentadbir Tanah Daerah hendaklah mengemukakan permohonannya dengan menyediakan kertas ringkasan ke Pejabat ini, untuk pertimbangan YAB. Dato' Menteri Besar.

## 2.2 Pertimbangan Semula Bagi Kelulusan Yang Luput Tempohnya

Bagi permohonan tukar syarat tanah yang tempoh kelulusannya telah luput seperti yang dinyatakan di perenggan 1(ii) di atas, suatu kertas ringkasan perlu disediakan bagi pertimbangan YAB, Dato' Menteri Besar Selangor. Kertas itu hendaklah dikemukakan melalui Pejabat ini.

- 2.3 Berhubung dengan rayuan/ permohonan yang telahpun diluluskan oleh YAB. Dato' Menteri Besar sebelum ini, tidak perlu lagi dikemukakan ke Pejabat ini untuk kelulusan YAB. Dato' Menteri Besar. Ini adalah selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan yang telah mengawaltarikhkan perwakilan kuasa ini sebagaimana yang disebutkan di perenggan 1(iii) di atas.

Tindakan untuk meminda Kaedah 11A dalam Kaedah-Kaedah Tanah Selangor dan langkah-langkah untuk mengazetkan perwakilan kuasa yang dimaksudkan itu sedang dilaksanakan.

T.T  
**(DATO' ABDUL HADI BIN HJ.SIDEK)**  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Selangor Darul Ehsan.

Tarikh : 21hb. Mac 1987

**\* PEKELILING DIBATALKAN DENGAN PEKELILING BIL.3/2008\***